


**SEMINAR INTERNASIONAL SERUMPUN MELAYU  
2011**

**MAKASAR, SULAWESI, INDONESIA**

**8-9 JUN 2011**

**EN. TUAN NORDIN TUAN KECHIK  
PUSAT PENGAJIAN BAHASA,  
LITERASI & TERJEMAHAN**



# KEBAHASAAN, SASTRA, DAN PENDIDIKAN

**SEMINAR INTERNASIONAL SERUMPUN MELAYU V (8-9 Juni 2011)**

Pelaksana Fakultas Ilmu Budaya (FIB) Unhas Makassar atas kerjasama  
Universitas Hasanuddin Indonesia dengan Universiti Kebangsaan Malaysia

## KESUKARAN MEMAHAMI BAHASA INDONESIA: SATU TINJAUAN TERHADAP MEDIA INDONESIA

Tuan Nordin Tuan Kechik  
Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan  
Universiti Sains Malaysia

Emel: tnordin@kb.usm.my

### ABSTRAK

Bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia merupakan dua bahasa yang berasal dari satu rumpun bahasa yang sama iatu bahasa Melayu. Namun disebabkan kedudukan geografi dan batasan politik yang berbeza, perkembangan kedua-dua bahasa tersebut telah menampakkan perbezaan yang jelas. Hal ini sudah tentu akan menimbulkan masalah bagi warga Malaysia dalam memahami kandungan teks dalam bahasa Indonesia. Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti bentuk-bentuk kesukaran yang dialami oleh warga Malaysia dalam memahami maksud perkataan atau istilah yang terdapat dalam media cetak di Indonesia. Tumpuan khusus kajian adalah terhadap surat khabar harian yang popular di Indonesia iaitu *Harian Kompas* yang boleh didapati melalui *Kompas e-paper* merupakan versi elektronik dari surat khabar *Harian Kompas*.

**Kata kunci:** Bahasa Indonesia, Bahasa Malaysia, *Harian Kompas*, perkembangan bahasa

#### Pengenalan

Memahami dan menginterpretasikan bahasa Indonesia (BI) bagi penutur bahasa Malaysia (BM) bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Hal ini demikian kerana biarpun bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia berasal dari bahasa Melayu, namun bahasa Indonesia mempunyai sejumlah kosakata dan istilah yang berbeza berbanding bahasa Malaysia. Terdapat sejumlah perkataan yang sememangnya tidak lazim digunakan dalam kalangan penutur bahasa Malaysia. Hal ini sudah tentu akan merenjatkan daya kefahaman masyarakat penutur bahasa Malaysia dalam memahami maksud yang ingin disampaikan.

Kecenderungan media di Malaysia terutama media elektronik melalui rangkaian televisyen telah banyak menyiarkan sinetron dan filem dari seberang terutama dari negara Indonesia. Keadaan ini telah mendedahkan masyarakat Malaysia dengan kosakata dan istilah yang baru dari negara jiran. Perkataan *bisa*, *butuh*, *bibit*, *kapan* dan beberapa perkataan lain sudah difahami dan diterima oleh masyarakat di Malaysia. Namun, di sebalik pendedahan tersebut terdapat banyak lagi kosakata atau istilah dalam bahasa Indonesia yang masih menjadi misteri dalam kalangan penutur bahasa Malaysia.

Bahasa Indonesia merupakan bahasa rasmi Republik Indonesia sebagaimana yang disebutkan dalam Undang-undang Dasar RI 1945, Pasal 36. Ia juga merupakan bahasa persatuan bagi bangsa Indonesia sebagaimana yang disebut dalam Sumpah Pemuda 28 Oktober 1928. Sungguhpun begitu hanya sebahagian kecil daripada penduduk Indonesia

yang benar-benar menggunakannya sebagai bahasa ibunda kerana dalam perbualan sehari-hari yang tidak rasmi masyarakat Indonesia lebih suka menggunakan bahasa daerahnya masing-masing sebagai bahasa ibu seperti bahasa Melayu pasar, bahasa Sunda, bahasa Jawa, bahasa Batak, bahasa Bugis, bahasa Makassar dan sebagainya.

Pada tahun 1945, bahasa Indonesia telah menjadi bahasa rasmi iaitu sewaktu Indonesia mencapai kemerdekaan daripada Belanda. Bahasa Indonesia merupakan satu bahasa yang dinamik dan terus menyerap kata-kata daripada bahasa asing. Pada masa ini bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia yang berasal dari bahasa Melayu digunakan oleh dua bangsa di dua negara yang berjiran di ASEAN iaitu Malaysia dan Indonesia. Kedua-dua negara tersebut memilih bahasa Melayu sebagai bahasa nasionalnya dengan nama bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia.

### **Perubahan Sistem Ejaan**

Ejaan merupakan suatu perkara yang penting dalam perkembangan sesuatu bahasa. Hal ini juga berlaku pada bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia. Kedua-dua bahasa mengalami perubahan sistem ejaan dalam beberapa kali. Dalam bahasa Indonesia tercatat berlakunya beberapa kali perubahan sistem ejaan seperti Ejaan Van Ophuijsen (1901), Ejaan Soewandi (1947), Ejaan Pembaharuan (1957), Ejaan Melindo (1959), Ejaan Baru (1966) dan ejaan yang digunakan sekarang iaitu Ejaan Yang Disempurnakan (1972). Manakala perubahan ejaan dalam bahasa Malaysia berlaku sebanyak dua kali iaitu Ejaan Lama (1904) yang juga dikenali sebagai ejaan Wilkinson dan perubahan ejaan yang digunakan sekarang yang dikenali sebagai Ejaan Baru (1972).

### **Penggunaan Akronim**

Masalah memahami bahasa Indonesia bagi penutur bahasa Malaysia bukan sahaja terhadap pada makna perkataan atau istilah sahaja, tetapi kemampuan memahaminya juga terhadap kerana penggunaan akronim. Akronim merupakan kependekan yang berupa gabungan huruf atau suku kata atau bagian lain yang ditulis atau dilafalkan sebagai kata yang sesuai dengan kaidah fonotaktik bahasa bersangkutan (Kridalaksana 1984). Di sini dapatlah di simpulkan bahawa akronim ialah sebuah singkatan yang menjadi sebuah kata tersendiri yang terbentuk daripada singkatan beberapa gabungan huruf awal, gabungan suku kata, ataupun gabungan huruf dan suku kata daripada deretan kata yang diperlakukan sebagai kata. Penggunaan akronim dalam bahasa Malaysia agak terhad jika dibandingkan dengan penggunaan akronim dalam bahasa Indonesia. Penggunaan akronim dalam bahasa Malaysia banyak merujuk sesebuah organisasi seperti MARA (Majlis Amanah Rakyat), ATM (Angkatan Tentera Malaysia), PDRM (Polis Diraja Malaysia), USM (Universiti Sains Malaysia) dan sebagainya.

Dalam bahasa Indonesia, penggunaan akronim akan dapat mempengaruhi darjah kefahaman penutur bahasa Melayu seperti berikut:

- a. Akronim nama diri yang berupa gabungan huruf awal daripada deretan kata yang ditulis secara keseluruhannya dengan menggunakan huruf besar.  
ABRI (Angkatan Bersenjata Republik Indonesia)  
LAN (Lembaga Administrasi Negara)  
PASI (Persatuan Atletik Seluruh Indonesia)  
IKIP (Institut Keguruan Ilmu Pendidikan)  
SIM (Surat Izin Mengemudi)

- b. Akronim nama diri berupa gabungan suku kata atau gabungan huruf dan suku kata daripada kata ditulis dengan huruf awal atau huruf besar.  
 Kades (Kepala desa)  
 Menpora (Menteri Pemuda dan Olahraga)  
 Wagub (Wakil Gabenor)  
 Mandagri (Menteri dalam Negeri)  
 Menlu (Menteri Luar)  
 Akabri (Akademi Angkatan Bersenjata Republik Indonesia)  
 Bapenas (Badan Perencana Pembangunan Nasional)  
 Pelita (Pelan Lima Tahun)  
 Kowani (Kongres Wanita Indonesia)  
 Sespa (Sekolah Staf Pimpinan Administrasi)
- c. Akronim yang bukan nama diri yang berupa gabungan huruf, suku kata, ataupun gabungan huruf dan suku kata daripada deretan kata yang keseluruhannya ditulis dengan huruf kecil.  
 pemilu (pemilihan umum)  
 rudal (peluru kendali)  
 raker (rapat kerja)  
 rapin (rapat pimpinan)  
 waria (wanita pria)

**Kata atau Istilah Yang Memiliki Bentuk Yang Sama Tetapi Memiliki Perbezaan Makna**

Terdapat kosakata yang mempunyai persamaan dari segi bentuk tetapi memiliki makna yang berbeza dalam kedua-dua bahasa. Kosakata atau istilah tersebut akan mempengaruhi kefahaman penutur bahasa Malaysia kerana ia mempunyai makna yang jauh berbeza dengan makna yang terdapat pada kata atau istilah tersebut dalam bahasa Indonesia. Hal ini memerlukan daya pentaakulan yang tinggi bagi penutur bahasa Malaysia memahami maksud kata atau istilah tersebut.

kata	BI	BM
tewas	Mati, hilang nyawa, meninggal dunia,	Kalah, hilang pertaruhan dalam suatu pertandingan

Kata *tewas* bagi penutur bahasa Indonesia bermaksud meninggal atau hilang nyawa. Manakala dalam bahasa Malaysia *tewas* membawa maksud kalah dalam sesuatu pertandingan yang tidak menyebabkan kehilangan nyawa.

Contoh ayat:

Tujuh orang *tewas* dalam bentrokan antara warga Desa Sei Sadong. (BI)

Kesebelasan pasukan bola sepak Selangor *tewas* di tangan pasukan Kelantan. (BM)

Kata	BI	BM
jawatan	Bahagian dari departemen yang menjurus, menyelenggarakan suatu tugas, pekerjaan yang luas lingkungannya.	Kedudukan seseorang dalam pekerjaannya

Kata *jawatan* bagi penutur bahasa Indonesia bermaksud dinas iaitu salah satu departemen yang mengurus atau yang menenggarakan sesuatu tugas. Manakala dalam bahasa Malaysia kata *jawatan* bermaksud kedudukan seseorang dalam suatu intitusi.

Contoh ayat:

*Jawatan* pergadaian baru akan membuka cabang baru di Bogor. (BI)

Parti Pakatan Rakyat menerima peletakan *jawatan* Zaid Ibrahim (BM)

Kata	BI	BM
tambang	Tali yang besar, lombong atau bahan galian	Biaya perjalanan atau bayaran untuk sesuatu perkhidmatan pengangkutan

Kata *tambang* bagi penutur bahasa Indonesia bermaksud tali yang digunakan untuk menambat kapal atau tali yang sejenis dan kuat. Kata *tambang* juga dapat bererti bahan galian seperti emas, besi, tembaga. *Tambang* dalam bahasa Indonesia juga bererti lombong sebagai tempat untuk mendapatkan hasil galian. Manakala dalam bahasa Malaysia kata *tambang* bermaksud bayaran yang dikenakan terdapat sesuatu perkhidmatan pengangkutan sama ada perkhidmatan teksi, bas, kapal terbang dan sebagainya.

Contoh ayat:

Acara tarik *tambang* antara penduduk desa diadakan di lapangan Karebosi, Makassar. (BI)

Emas merupakan sejenis *tambang* yang ada di Indonesia. (BI)

*Tambang* perjalanan dari Kuala Lumpur ke Makassar dengan Kapal Terbang terlalu mahal. (BM)

Kata	BI	BM
pejabat	Orang atau pegawai yang bekerja di pejabat	Ruang atau tempat para pekerja melakukan pekerjaan

*Pejabat* dalam bahasa Indonesia bererti seseorang pegawai yang memegang sesuatu jawatan dalam sesuatu jabatan. *Pejabat* hanya berlaku kepada pegawai peringkat atas bagi sesuatu jabatan. Dalam bahasa Malaysia pula kata *pejabat* bermaksud ruang atau tempat yang digunakan sebagai urusan pentadbiran sesuatu jabatan contohnya *pejabat* sekolah.

Contoh ayat:

Para *pejabat* negara perlu terus mawas diri. (BI)

*Rejabat* sekolah rendah itu sangat cantik kerana dicat dengan warna merah. (BM)

kata	BI	BM
sulit	Sukar sekali, susah dicari, susah untuk memperoleh	Rahsia, sesuatu yang tersembunyi dan tidak boleh diketahui umum

Kata *sulit* dalam bahasa Indonesia bererti sukar atau susah. Manakala dalam penggunaan bahasa Malaysia *sulit* bermaksud sesuatu yang dirahsiakan oleh seseorang atau kumpulan tertentu daripada pengetahuan orang ramai.

Contoh ayat:

Para lulusan perguruan tinggi kini *sulit* untuk mendapatkan pekerjaan karena masalah ekonomi. (BI)

Perkara ini adalah *sulit* dan jangan bocorkan kepada sesiapaupun. (BM)

kata	BI	BM
banci	Waria, laki-laki yang mempunyai sifat wanita	Pengiraan atau perhitungan

Kata *banci* dalam bahasa Indonesia bererti lelaki yang mempunyai sifat-sifat yang ada pada orang perempuan, seperti mengenakan solekan, pakaian, gerak-geri seperti orang perempuan. Manakala *banci* dalam bahasa Malaysia bererti kegiatan mengira atau menghitung sesuatu objek sama ada manusia, benda, ternakan dan sebagainya.

Contoh ayat:

Amri sering menjadi bahan olokan anak-anak nakal kerana dia memiliki sifat seperti *banci*. (BI)

Menurut jabatan perangkaan *banci* penduduk akan diadakan tidak lama lagi. (BM)

kata	BI	BM
percuma	Sia-sia, tidak berguna	Tidak dikenakan bayaran

Kata *percuma* dalam bahasa Indonesia bermaksud sesuatu perbuatan yang sia-sia, perbuatan yang tidak memberikan faedah dan tidak bermanfaat. Manakala dalam bahasa Malaysia, *percuma* bererti sesuatu perkara yang tidak dikenakan sebarang bayaran.

Contoh ayat:

*Percuma* jika rakyat diberi fasilitas yang baik, tapi tidak bisa menggunakannya. (BI)

Setiap pagi murid-murid sekolah rendah diberikan susu secara *percuma*. (BM)

**Kata atau Istilah Yang Berbeza Secara Fonetis tetapi Memiliki Makna Yang Sama**

Dalam bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia terdapat kosakata yang berbeza dari segi fonetis tetapi memiliki makna yang sama. Kata atau istilah tersebut bukan penghalang bagi penutur bahasa Malaysia memahami maksud kata atau istilah itu kerana antara kata atau istilah itu hanya dibezakan melalui satu atau dua fonem sahaja. Hal ini demikian kerana maksud perkataan atau istilah tersebut boleh dijangkakan oleh penutur bahasa Malaysia.

a. Padanan /d/ - /z/

BI	BM
beda	beza

Fonem /z/ dalam bahasa Malaysia berpadanan dengan fonem /d/ dalam bahasa Indonesia berlaku pada posisi tengah kata dan tidak berlaku pada posisi yang lainnya.

b. Padanan /p/ - /f/

BI	BM
paham	faham
pikir	fikir
pasal	fasal

Fonem /f/ dalam bahasa Malaysia berpadanan dengan fonem /p/ dalam bahasa Indonesia pada posisi awal kata. Perubahan ini hanya berlaku pada posisi awal kata dan tidak pada posisi lainnya.

c. Padanan /f/ - /p/

BI	BM
lahir	zahir
lafal	lafaz
hafal	hafaz

Fonem /z/ dalam bahasa Malaysia berpadanan dengan fonem /l/ dalam bahasa Indonesia berlaku pada posisi awal kata dan posisi akhir kata.

d. Padanan /z/ - /l/

BI	BM
kendaraan	kenderaan
sadar	sedar
arti	erti

Fonem /e/ dalam bahasa Malaysia berpadanan dengan fonem /a/ dalam bahasa Indonesia berlaku pada posisi awal kata dan posisi tengah kata sahaja.

e. Padanan /e/ - /a/

BI	BM
jembatan	jambatan
lezat	lazat
resmi	rasmi
rekam	rakam

Fonem /a/ dalam bahasa Malaysia berpadanan dengan fonem /e/ dalam bahasa Indonesia berlaku pada posisi tengah kata dan bukan pada posisi yang lain.

f. Padanan /a/ - /e/

BI	BM
obat	ubat
coba	cuba
khotbah	khutbah
kodrat	kudrat

**Kata atau Istilah dan Cara Penyerapannya dari Bahasa Asing**

Terdapat kata atau istilah yang diserap dari bahasa asing yang dapat menimbulkan masalah dan mengurangi kefahaman bagi penutur bahasa Malaysia kerana kata atau istilah tersebut tidak biasa digunakan oleh masyarakat bahasa di Malaysia. Secara dasarnya bahasa Indonesia lebih cenderung untuk meminjam peristilahan bahasa asing berbeza dengan bahasa Malaysia yang dilihat lebih konservatif dengan mengekalkan bahasa Melayu yang sedia ada seperti berikut.

BI	BM
tank	kereta kebal
mobil	kereta
sandal	selipar



pabrik  
dasi  
laboratorium  
insinyur

kilang  
tali leher  
makmal  
Jurutera

.Latar belakang penjajahan masa lampau telah menjadikan kosakata bahasa Indonesia berbeza dengan kosakata bahasa Malaysia. Hal ini disebabkan pengaruh penjajahan kerana Malaysia mempunyai pengalaman dijajah oleh Inggeris, manakala Indonesia pula dijajah oleh bangsa Belanda dalam tempoh yang begitu lama. Keadaan ini menjadikan polarisasi bahasa bagi kedua-dua bahasa iaitu bahasa Malaysia banyak dipengaruhi bahasa Inggeris, manakala bahasa Indonesia banyak dipengaruhi bahasa Belanda. Hal ini dapat dilihat seperti contoh berikut

BI  
kopor  
ban  
karcil  
sepeda

BM  
beg  
tayar  
tiket  
basikal

Bahasa Indonesia mempunyai prinsip tersendiri dalam proses penyerapan bahasa asing supaya ia sesuai dengan kaedah yang sedia ada dalam bahasa Indonesia. Hal ini agak berbeza dengan bahasa Malaysia kerana proses penyerapan bahasa asing ke dalam bahasa Malaysia lebih cenderung mengekalkan bentuk lisan dengan pelarasan ejaan terutama kosakata yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Hal ini dapat dilihat seperti contoh berikut.

BI  
fakultas  
universitas  
partai  
proyek  
polisi  
telfon  
stadion  
imigrasi  
obyek  
kartu

BM  
fakulti  
universiti  
parti  
projek  
polis  
telefon  
stadium  
imigresen  
objek  
kad

#### **Kata Yang Sama Bentuk dan Maknanya**

Kita sedia maklum bahawa bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia berasal dari bahasa Melayu. Jadi, jadi tidak hairanlah jika kedua-dua bahasa memiliki sejumlah kosakata yang sama dari segi bentuk, makna, struktur mahupun tulisan. Contohnya seperti yang dapat kita lihat pada kata dasar dalam kedua-dua bahasa tersebut seperti berikut.

BI  
asap  
angin  
buku  
bola  
batu  
enam

BM  
asap  
angin  
buku  
bola  
batu  
enam

h  
i  
t  
a  
n  
g

kaki  
kuda  
langit  
orang

kaki  
kuda  
langit  
orang

### **Kesimpulan**

Makalah ini berusaha untuk menjelaskan dan membuktikan bahawa antara bahasa Indonesia dengan bahasa Malaysia terdapatnya persamaan dan perbezaan kosakata dari segi bentuk dan makna. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat sejumlah kata dan istilah yang memiliki bentuk yang sama tetapi berbeza dari segi makna, terdapat juga kata atau istilah yang berbeza dari segi fonetis tetapi mempunyai persamaan makna. Secara keseluruhan jika dilihat dari sudut kebahasaan, dapatlah dikatakan bahawa bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia merupakan dua bahasa yang sama kerana kedua-dua bahasa tersebut mempunyai sejumlah besar kosakata yang sama dari segi bentuk dan makna. Namun jika dilihat dari segi politik, bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia merupakan dua bahasa nasional yang berbeza di dua buah negara yang berdaulat.

### **Bibliografi**

- Alisjahbana, S. Takdir. 1986. *Tatabahasa Baru Bahasa Indonesia*. Jakarta: Dian Rakyat.  
Ismail Hussein. 1984. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka  
Keraf, Gorys. 1984. *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: PT Gramedia.  
Kridalaksana, Harimurti. 1984. *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia.  
Mohd. Yusof Hasan. 1991. *Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain. 1982. *Pembinaan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Bahasa dan Pustaka.**



- Sheikh Othman Sheikh Salim (Editor). 2005. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

# KAREBOSI Li

The Business Hub of Makassar



REKOR INDONESIA



# KAREBOSI Li

The Business Hub of Makassar

- The biggest Underground Mall in Indonesia
- Landmark of Makassar, South Sulawesi Indonesia
- Located at the Town Centre (0 km)
- Accessible from all areas
- Continental choice of Food waiting for you in KosiCozy Karebosi FoodStation
- Tenant: Carrefour, Pizza Hut, Texas, KosiCozy and Eat@Out
- Open space for Sports and National activities



Penerbit : FIB Unhas  
 Jl. Perintis Kemerdekaan Km. 10  
 Kampus Unhas Tamalanrea  
 Makassar - Indonesia 90245

ISBN 978-602-99268-2-8

9 786029 992682